

24/09/1998

Malaysia kurangkan pergantungan

KUALA LUMPUR, Rabu - Malaysia mahu mengurangkan pergantungannya terhadap Singapura kerana banyak masalah yang dihadapi dengan republik itu, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, masalah yang timbul bukan disebabkan soal kaum Cina atau Melayu, tetapi soal Malaysia dan Singapura.

"Di Malaysia juga ada kaum Cina sebagaimana di Singapura. Tetapi ini persoalan antara Singapura dengan Malaysia," katanya ketika menyampaikan taklimat mengenai soal ekonomi dan politik negara kepada lebih 30 pemimpin pertubuhan masyarakat Cina di Jabatan Perdana Menteri, di sini, hari ini.

"Selain itu, kita juga mahu memberi tumpuan untuk menarik orang menggunakan Pelabuhan Klang sebagai pelabuhan utama.

"Seperti yang anda tahu, hari-hari Datuk Seri Dr Ling Liong Sik (Menteri Pengangkutan) menggalakkan orang menggunakan Pelabuhan Klang dan beliau juga harus melaporkan perkembangan mengenai Pelabuhan Klang setiap minggu dalam mesyuarat Kabinet," katanya.

(END)